



MSM atur rundingan ke peringkat global

» *Sedia kerjasama, ambil alih syarikat luar negara*

Oleh Mohd Zaky Zainuddin

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula terbesar negara sedang mengadakan rundingan dengan sekurang-kurangnya empat syarikat global bagi menjalinkan kerjasama atau pengambilalihan untuk mengembangkan operasi perniagaan hiliran dan huluannya di luar negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Dr Sheikh Awab Sheikh Abod, berkata langkah pengembangan operasi di beberapa negara iaitu di Indo China bagi industri hulu, manakala Asia dan negara Afrika

bagi produk hiliran itu, bakal mengukuhkan kedudukan syarikat dalam usaha menjadi antara pemain industri utama global pada masa akan datang.

Katanya, MSM yang juga cabang perniagaan gula Felda Global Ventures Holding Bhd (FGV) turut bersedia mengambilalih syarikat kecil atau pemain utama yang berpotensi bagi mengukuhkan kehadiran di peringkat global.

Bergantung kepada potensi

"Kami memiliki beberapa opsyen sama ada menjalinkan usaha sama

dengan rakan niaga di negara berkenaan atau mengambil alih syarikat terbabit. Ia bergantung kepada keperluan dan potensi.

"Bagi produk hiliran pula, pemilihan Asia dan negara Afrika sebagai hab baharu syarikat didorong peningkatan kadar penggunaan di negara berkenaan," katanya kepada media selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) MSM di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Mohamad Amri Sahari dan Ketua Pegawai Kewangan MSM, Raja Fariadah Raja Ahmad.

Mengulas lanjut, Sheikh Awab berkata, MSM secara agresif akan memberi tumpuan kepada perniagaan hulu merangkumi penanaman tebu dan proses bahan mentah bagi menghasilkan gula.

"Ketika ini, kami mengimport 100 peratus bahan mentah dari Brazil, Australia dan sedikit dari Thailand bagi menghasilkan produk akhir untuk dipasarkan kepada pengguna.

"Dengan penyertaan dalam perniagaan hulu ia bakal mengurangkan kos import bahan mentah dan meningkatkan keuntungan

syarikat pada masa akan datang," katanya.

Menuju ke hadapan, beliau berkata, MSM kini dalam proses untuk mengembangkan portfolio

pendapatan perniagaan dalam usaha meningkatkan keuntungan, termasuk mengurangkan kos operasi syarikat.

Katanya, antara bidang baharu yang akan diterokai MSM termasuk sewaan dan perdagangan membabitkan perniagaan produk akhir.

"Dengan penerokaan bidang baharu selain, import, penapisan gula dan jualan, ia dapat mengurangkan kos dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan syarikat," katanya.

Keputusan kewangan suku pertama berakhir 31 Mac tahun ini, menyaksikan MSM merekodkan keuntungan bersih lebih rendah iaitu RM56.33 juta, susut sembilan peratus berbanding RM61.96 juta bagi tempoh sama tahun lalu.

Pendapatan syarikat juga susut 3.2 peratus kepada RM498.26 juta berbanding RM514.96 juta susulan jualan pasaran domestik dan eksport lebih rendah walaupun jualan industri meningkat.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Sheikh Awab (tengah) bersama Mohamad Amri dan Raja Faridah **melihat buku laporan tahunan** selepas AGM MSM di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/ BH]